

## Pelajar perlu kuasai bahasa Inggeris

KOTA KINABALU 29 Mac — Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam berkata, rakyat Malaysia terutama golongan muda juga perlu menguasai bahasa antarabangsa iaitu bahasa Inggeris sekiranya ingin menguasai pelbagai bidang.

Katanya, penguasaan tersebut penting kerana sebagai bahasa sejagat, penggunaan bahasa Inggeris memudahkan interaksi rakyat Malaysia dengan bangsa-bangsa lain di dunia dan membolehkan kita 'mengaut' ilmu dari luar.

"Bagaimanapun, penguasaan tersebut bukan bermakna kita perlu menyetepikan bahasa Melayu yang selama ini menjadi bahasa kebangsaan dan juga bahasa perhubungan di antara rakyat negara ini," tegasnya.

Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah berkata demikian ketika merasmikan pertandingan debat bahasa Inggeris antara Sekolah-sekolah Universiti Malaysia Sabah (UMS) di kampus Jalan Tuaran, Menggatal, dekat sini.



MS  
YISIA SABAH